

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 OKTOBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

DOSM guna data, statistik pertanian rancang dasar

DOSM guna data, statistik pertanian rancang dasar

Sungai Besar: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menggunakan data dan statistik pertanian bagi merancang dasar keutamaan bekalan makanan negara bermula tahun depan.

Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron, berkata walaupun Malaysia mempunyai tanah yang subur untuk pertanian, kos per-

belanjaan import negara bagi makanan mencecah sehingga RM40 bilion.

"Pengumpulan data ini penting dalam memberikan maklumat dan gambaran terbaik berkenaan keadaan terkini bidang pertanian," katanya.

Justeru, Nor Azmie meminta semua pihak di peringkat negeri memberi kerjasama kepada DOSM yang akan melaksana-

kan Bancian Pertanian 2024 (BP 2024) pada tahun depan.

"Dari segi 'progress' (kemajuan), semua negeri telah terbabit dalam usaha untuk BP 2024 nanti dan kita tidak akan tinggalkan mana-mana negeri.

"Untuk responden pula, kita turut akan usahakan sebanyak mungkin bagi membolehkan data yang dikumpul berasaskan atau bertepatan dengan pertanian di negara kita.

"Fokus dalam BP 2024 adalah membabitkan semua sektor," katanya pada sidang media se-

lepas majlis perasmian sambutan Hari Statistik Negara (HSN) 'Yuk Mampir' di Stadium Sungai Besar, di sini semalam.

Nor Azmie berkata, Kementerian mengangap data dan statistik yang dikeluarkan DOSM adalah 'emas' baharu untuk Malaysia.

Katanya, kedua-dua perkara itu sangat penting dan ia diraikan menerusi HSN yang disambut pada 20 Oktober setiap tahun.



"Sambutan ini adalah satu manifestasi bahawa negara kita

menghargai data dan statistik, selain perlu diuruskan dengan baik.

"Untuk itu, 'emas' yang kita ada ini dapat digunakan sebaiknya untuk kepentingan negara secara keseluruhannya," katanya.

Terdahulu, beliau mewakili Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli merasmikan HSN.

Yang turut hadir, Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin dan Pegawai Daerah Sabak Bernam, Amri Ismail.



Nor Azmie (kanan) bersama Mohd Uzir (tengah) melawat reruai selepas majlis perasmian sambutan Hari Statistik Negara (HSN) 'Yuk Mampir' di Stadium Sungai Besar, semalam. (Foto BERNAMA)